

# Jambatan kedua jejaskan nelayan


*KOSMO 22/05/2010 M15 22*

Di sebalik kerja-kerja pembinaan jambatan kedua Pulau Pinang yang bertujuan membantu mengurangkan kesesakan trafik di jambatan pertama, ada golongan yang sedang bergelut untuk hidup apabila pendapatan mereka semakin terjejas.



**B**ERGELAR nelayan pantai dan hidup di tengah-tengah kesibukan pembangunan negeri Pulau Pinang memang cukup mencabar. Terhimpit di sebalik desakan hidup dan pembangunan, namun tugas membawa naik hasil laut tetap diteruskan walaupun habuan tangkapan tidak sebanyak mana.

Setiap kali adanya pembangunan di negeri ini yang membabitkan kawasan pantai dan laut, pasti ada pengorbanan daripada nelayan yang dituntut.



S.M. MOHAMED



NOOR AZIERAN

Walaupun pembinaan Jambatan Pulau Pinang siap kira-kira 25 tahun lalu, namun lukanya masih dirasai golongan nelayan di beberapa kawasan seperti di Pantai Jelutong, Batu Uban, Pulau Aman dan Bayan Lepas.

Akibat gelodak lumpur kerana kerja-kerja pembinaan, kawasan perairan di kawasan terbabit terpaksa dijauhi nelayan hampir sedekad lamanya apabila hasil laut merosot teruk.

Kini, peristiwa sama bakal berulang. Akibat pembinaan jambatan kedua, kira-kira 200 nelayan pantai di Permatang Damar Laut pula terjejas sumber pendapatan.

Ketika mendedahkan kegusaran tersebut baru-baru ini, Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) mahu tindakan bersepadu dimaikan oleh kerajaan negeri, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Jabatan Perikanan. Presidennya, S.M. Mohamed Idris berkata, pihak berkuasa perlu turun padang menyasat dan mengambil tindakan segera menanganai masalah itu bagi mengelak kejadian sama menimpa nelayan semasa pembinaan Jambatan Pulau Pinang pertama dahulu.



DUA nelayan menunjukkan hasil tangkapan mereka di jeti Permatang Damar Laut.

PENDAPATAN nelayan terjejas teruk apabila hasil laut semakin berkurangan.

### Hasil laut merosot

Menurutnya, kerja-kerja projek sejak dua tahun lalu menyebabkan hidupan laut termasuk udang, ketam dan kerang yang menjadi tangkapan utama nelayan semakin berkurangan.

Selain itu, katanya, nelayan juga mengadu air laut di kawasan pantai Zon A yang menjadi lubuk rezeki mereka kini dicemari sisa lumpur yang dibuang kapal pengangkut bahan binaan yang melalui perairan di situ.

“Sisa lumpur bukan sahaja mencemarkan air dan mengancam kehidupan di laut tetapi turut membunuh kerang di kawasan pantai. Pada masa yang sama, kerja menanam cerucuk menyebabkan ikan dan udang mula berkurangan.

“Akibatnya, rezeki nelayan terjejas apabila pendapatan yang biasanya diperolehi RM150 sehari, kini hanya tinggal RM30 sehari sahaja,” tegasnya yang kesal kerana ia bukan isu baru, tetapi tiada tindakan konkrit diambil pihak berkuasa.

Justeru, CAP mencadangkan agar pihak-pihak terbabit termasuk syarikat yang mengendalikan projek jambatan itu mengadakan perbincangan terus dengan nelayan terlibat dengan mengambil kira kepentingan nelayan.

Sementara itu, tinjauan *Kosmo!* ke Jeti Nelayan di Permatang Damar Laut, baru-baru ini mendapati hampir sebilangan besar nelayan di situ kehilangan punca pendapatan sejak projek mega itu dilaksanakan.

Menurut seorang nelayan, Noor Azieran Saari, 42, pendapatan terjejas kerana

**Sisa lumpur bukan sahaja mencemarkan air dan mengancam kehidupan di laut tetapi turut membunuh kerang di kawasan pantai. Pada masa yang sama kerja menanam cerucuk menyebabkan ikan dan udang pupus**

hasil tangkapan laut semakin berkurangan berbanding tahun 1990-an.

“Dulu, kami sering menangkap ikan di kawasan pembinaan jambatan itu, tetapi hari ini kami terpaksa mencari kawasan lain yang lebih dekat dengan jeti ini.

“Bayangkan hendak dapatkan dua kilogram udang pun susah. Malah, ramai daripada kami terpaksa mencari kerja tambahan bagi menampung isi keluarga

di rumah,” jelasnya.

Bukan setakat itu, kos untuk membaiki pukal yang rosak akibat tersangkut pada timbunan batu dan pasir berhampiran jambatan tersebut memburukkan keadaan mereka.

### Wang pampasan

Sementara itu, kerajaan Negeri Pulau Pinang masih menunggu maklum balas daripada Unit Perancang Ekonomi (EPU) berhubung wang pampasan yang akan diberikan kepada golongan nelayan tersebut.

Kertas cadangan yang dikemukakan itu berdasarkan pendapatan nelayan di dua kawasan yang terjejas akibat pembinaan jambatan kedua itu sejak dua tahun lalu iaitu kumpulan nelayan di Seberang Perai dan di bahagian pulau.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Low Choo Kiang berkata, kerajaan negeri akan meminta supaya permohonan pampasan nelayan tersebut dapat diproses segera.

“Segala urusan melibatkan nilai pampasan perlu mendapat kelulusan daripada perkuasa (EPU) terlebih dahulu, manakala kerajaan negeri hanya bertanggungjawab sebagai penyelaras bagi isu berkaitan permintaan tersebut.

“Kita hanya mengumpul maklumat daripada Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dan Jabatan Perikanan untuk serahan setiap permasalahan nelayan kepada EPU,” jelasnya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Beliau berkata, nilai pampasan yang dicadangkan kepada EPU mencapai jutaan ringgit berdasarkan zon nelayan yang paling hampir dengan projek pembinaan tersebut misalnya di Batu Maung.

Ini bermakna, lebih dekat kawasan nelayan dengan projek tersebut, maka lebih tinggilah nilai pampasan yang akan diberikan.